

# Suhakam tingkat reputasi negara di mata dunia

BH 24 DEC 2000

KUALA LUMPUR: Penubuhan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) turut meningkatkan reputasi Malaysia di mata dunia dan menjadikan negara ini semakin dihormati dalam aspek hak asasi manusia.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, apa yang lebih membanggakan ialah Suhakam berjaya mencetuskan perbincangan dan percambahan fikiran mengenai soal hak asasi di kalangan rakyat.

Katanya, kerajaan mengambil langkah berani, terbuka dan telus untuk menubuhkan suruhanjaya bebas itu.

"Perlu diingat, Suhakam ditubuhkan walaupun konsep hak asasi yang diutarakan oleh Barat tidak sesuai dengan sistem nilai di Malaysia," katanya.

Mengenai komposisi anggota suruhanjaya itu yang didakwa tidak bebas dan mempunyai kepentingan tersendiri, Syed Hamid berkata keanggotaan Suhakam mendapat reaksi positif termasuk daripada masyarakat antarabangsa.

"Banyak pandangan orang luar menyatakan keahlian yang dilantik adalah berwibawa, mempunyai integriti. Jadi, terpulang kepada rakyat untuk membuat penilaian apabila Suhakam melaksanakan tugas mereka," katanya.

Beliau berkata, anggota Suhakam dipilih daripada nama-nama

yang dicadangkan kepada Kementerian Luar yang kemudiannya meneliti, menyemak latar belakang, kelayakan serta reputasi seseorang dengan mendalam.

"Pemilihan dilakukan dengan amat teliti, kita ambil masa hampir setahun untuk mencari mereka yang mempunyai masa, dedikasi, reputasi, ada nama dan yang boleh bertugas dengan baik," katanya.

Selepas itu, barulah diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk dicalonkan pelantikan berkenaan kepada Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Antara ciri pemilihan 13 anggota suruhanjaya itu ialah kedudukan mereka sebagai anggota masyarakat yang dihormati, memahami soal kemanusiaan dan hal ehwal kemasyarakatan di samping kepakaran, kelayakan, reputasi dan kebolehan mereka untuk menjalankan tugas dengan baik.

"Asas yang kita gunakan apabila melantik individu ini ialah mereka mesti mempunyai integriti, kredibiliti dan mempunyai kebebasan," katanya.

Suhakam juga mempunyai anggota yang mewakili kelompok agama dan kaum yang berlainan, kepakaran yang berbeza-beza serta peringkat umur yang berlainan.